

CARIN TABLET 10MG

Loratadine (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Carin
2. Bagaimana Carin berfungsi
3. Sebelum mengambil Carin
4. Cara menggunakan Carin
5. Semasa menggunakan Carin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Carin
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Carin

Carin melegakan simptom yang berkaitan dengan rinitis alahan (demam alergi), seperti bersin, hidung berhingus atau gatal-gatal pada hidung, gatal-gatal pada mata.

Carin juga digunakan untuk melegakan simptom berkaitan dengan keadaan kulit dipanggil urtikaria; simptom-simptom ini termasuklah gatal-gatal, kemerah-merahan dan benjolan pada kulit.

Bagaimana Carin berfungsi

Carin mengandungi bahan aktif Loratadine. Loratadine tergolong dalam suatu kelas perubatan yang dipanggil antihistamin.

Antihistamin membantu mengurangkan simptom alahan dengan mengurangkan kesan bahan histamin yang dikeluarkan oleh badan.

Doktor anda mungkin membekalkan Carin untuk tujuan lain. Tanyalah doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan Carin dibekalkan kepada anda.

Sebelum mengambil Carin

- Bila tidak boleh mengambil Carin

Jangan mengambil Carin jika anda alah kepada loratadine atau mana bahan yang disenaraikan di hujung risalah ini. Jika anda mengalami tindakbalas alahan, anda mungkin akan mendapat ruam pada kulit, atau

mengalami kesukaran untuk bernafas atau berasa pitam.

Jangan menggunakan Carin jika anda hamil atau menyusu badan kecuali anda dan doktor atau ahli farmasi anda telah berbincang akan risiko dan manfaat yang terlibat.

Jangan menggunakan Carin pada kanak-kanak berumur kurang daripada 2 tahun.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada pek atau jika pembungkusan koyak atau terdapat tanda salahguna.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Sebelum mula mengambil Carin

1. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda alah kepada:
 - i. Sebarang ubat lain terutamanya antihistamin.
 - ii. Sebarang bahan lain seperti makanan, pengawet atau pewarna
2. Maklumkan doktor anda jika anda mempunyai sebarang penyakit hati atau sebarang penyakit yang lain.
3. Beritahu doktor anda jika anda hamil atau merancang untuk hamil atau sedang menyusukan anak, tanya doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini. Carin tidak digalakkan semasa hamil atau menyusukan bayi .

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat pernah dilaporkan mungkin berinteraksi dengan Carin jika diambil bersama-sama.

Contohnya:

- Ketoconazole (digunakan untuk merawat jangkitan kulat)

- Erythromycin (digunakan untuk merawat jangkitan bakteria).
- Cimetidine (digunakan untuk merawat masalah gastrik atau ulser perut)

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Carin.

Cara menggunakan Carin

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda akan memberitahu anda berapa banyak pil yang perlu diambil setiap hari. Ini bergantung kepada keadaan anda dan sama ada anda mengambil sebarang ubat lain.

- Bagi dewasa dan kanak-kanak berumur lebih dari 12 tahun; satu tablet (10mg) sehari.
- Bagi kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun, satu tablet (10mg) sekali sehari.
- Bagi kanak-kanak berumur 2 hingga 5 tahun, setengah tablet (5mg) sekali sehari.
- Jangan berikan Carin kepada kanak-kanak di bawah 2 tahun.
- Jika anda mempunyai masalah dengan hati, dos yang rendah, iaitu 5mg sehari mungkin diberikan.

- Bila perlu digunakan

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda sukar mengingat masa untuk mengambil ubat, sila dapatkan petua daripada ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Doktor atau ahli farmasi akan menasihati anda mengenai tempoh yang perlu untuk mengambil Carin.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil dos anda, ambilnya sejurus selepas anda mengingatnya, dan ambil dos seterusnya seperti biasa.

Jangan gantikan dos Carin untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika anda sukar mengingat masa untuk mengambil pil anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda (atau sesiapa) menelan banyak tablet Carin sekaligus, atau anda merasakan anak anda telah tertelan Carin, hubungi doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin. Bawa bekas dan baki tablet yang ada dan tunjukkan kepada doktor anda. Antara simptom terlebih mengambil ubat ini ialah, mengantuk dan jantung berdegup pantas.

Semasa menggunakan Carin

- Perkara yang perlu dilakukan

Anda seharusnya mengambil dos seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Beritahu doktor anda jika, atas apa-apa sebab, anda tidak mengambil ubat anda seperti yang diarahkan.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Carin. Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Carin.

Jika anda akan menjalani pembedahan yang memerlukan bius am, beritahu doktor atau doktor gigi anda bahawa anda sedang mengambil Carin.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mengambil Carin untuk merawat sebarang masalah lain

melainkan diarah oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Carin tidak menyebabkan mengantuk pada kebanyakan orang. Walau bagaimanapun jangan memandu atau mengendalikan tugas kemahiran khas, seperti menggunakan mesin berat sehingga anda pasti ubat ini tidak memberi kesan mengantuk pada anda.

Pastikan anda tahu bagaimana badan anda bertindak balas terhadap Carin sebelum anda memandu kereta, mengendalikan mesin berat, atau melakukan sesuatu tugas yang berbahaya jika dilakukan dalam keadaan mengantuk.

Berhati-hati semasa mengambil alkohol semasa mengambil Carin. Doktor anda mungkin akan mencadangkan anda mengelakkan alkohol sepanjang dirawat dengan Carin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti kebanyakan ubatan lain, Carin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan kepada semua orang. Maklumkan doktor anda dengan segera jika anda mengalami gejala seperti :

- tindak balas alahan : bengkak pada muka, bibir, lidah atau tekak, penyempitan saluran pernafasan yang mengakibatkan kesukaran bernafas, kejutan, pitam, ruam dan gatal-gatal.

Maklumkan kepada doktor jika anda mengalami kesan sampingan berikut atau kesan-kesan lain yang tidak tersenarai di sini:

- Sistem saraf : keletihan, mengantuk, kesukaran untuk tidur, sakit kepala, atau pening-pening.
- Perut dan usus: berasa tidak selesa/sihat, dan mulut berasa kering
- Hati : fungsi hati yang tidak normal (biasanya dikesan melalui ujian darah)
- Kulit : keguguran rambut (*alopecia*)

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit. Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Carin

- Penyimpanan

Simpan Carin di tempat yang sejuk dan kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada kelembapan yang berlebihan.

Jauhkan ubat-ubatan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Carin atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat Lanjut

- Rupa & Warna Produk

Putih keputihan, tablet berbentuk bujur, dengan garisan pada satu permukaan dan kosong pada satu permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap tablet Carin mengandungi 10mg Loratadine.

Bahan tidak aktif:

- Lactose
- Microcrystalline Cellulose
- Croscarmellose Sodium
- Magnesium Stearate
- Silicon dioxide

- Nombor MAL

MAL05032538ACZ

Pengilang

DUOPHARMA MANUFACTURING (BANGI) SDN BHD
Lot No. 2 & 4, Jalan P/7
Section 13, Bangi Industrial Estate
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA MANUFACTURING (BANGI) SDN.
BHD.
Lot No. 2,4,6,8 & 10, Jalan P/7,
Section 13, Bangi Industrial Estate
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

10/11/2021

Serial Number

BPFK(R4/1)170216/00044